
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

BTT 303/3 • Kejuruteraan Biokimia

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Jelaskan **LIMA** (5) daripada perkara-perkara berikut dengan ringkas dan tepat:
- (a) Perbezaan kaedah pengelasan kinetik pemfermentasian antara Gaden dengan Deindoerfer.
 - (b) Reka bentuk materi dalam sistem pengaduk untuk pengawalan pengkontaminatan.
 - (c) Kelas-kelas angkubah dalam sistem kawalan proses
 - (d) Reka bentuk sebuah prob oksigen terlarut
 - (e) Prinsip **asas** dalam proses hiliran.
 - (f) Kaedah aerob dan anaerob dalam pengolahan sisa buangan industri pemfermentasian.

(20 markah)

2. (a) Suatu keputusan ujikaji ke **atas** proses pemfermentasian penghasilan bahan perisa benzaldehida oleh *Rhizopus oryzae* ditunjukkan di dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Pertumbuhan dan penghasilan benzaldehida oleh *Rhizopus oryzae*

| Masa pemfermentasian (jam) | Pertumbuhan (g/L) | Kepekatan glukosa baki (g/L) | Kepekatan benzaldehida (g/L) |
|----------------------------|-------------------|------------------------------|------------------------------|
| 0 | 0.004 | 12.98 | 0.00 |
| 3 | 0.035 | 12.76 | 0.07 |
| 7 | 0.169 | 12.05 | 0.12 |
| 11 | 0.378 | 11.67 | 0.23 |
| 15 | 0.612 | 11.12 | 0.45 |
| 17 | 0.798 | 10.34 | 0.56 |
| 19 | 1.032 | 9.89 | 0.87 |
| 22 | 1.790 | 9.01 | 1.05 |
| 26 | 2.001 | 8.41 | 1.98 |
| 29 | 2.569 | 7.43 | 2.35 |
| 33 | 2.998 | 6.43 | 3.45 |
| 36 | 3.231 | 5.21 | 3.99 |
| 40 | 3.876 | 3.21 | 4.45 |
| 45 | 4.049 | 2.21 | 4.57 |
| 48 | 4.100 | 1.35 | 4.34 |

Menggunakan maklumat yang diberikan di dalam jadual tersebut, tentukan parameter-parameter kinetik pemfermentasian yang berikut:

- (i) Kadar pertumbuhan spesifik, μ
- (ii) Masa penggandaan, t_d
- (iii) Kuosien metabolit bagi glukosa, q_{glu}
- (iv) Hasil pertumbuhan, Y
- (v) Pemalar pembentukan benzaldehida, Y_{bzd}
- (vi) Pekali penyelenggaraan, m

(Jelaskan semua singkatan yang digunakan).

(16 markah)

- (b) Tunjukkan cara untuk menentukan nilai μ_{max} . Menggunakan keputusan daripada Jadual 1, tentukan μ_{max} bagi pertumbuhan kulat di atas.

(4 markah)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem kmostat? Jelaskan teori bagi operasi sesebuah sistem kmostat.

(4 markah)

- (b) Bagi sesuatu pengkulturan selanjar, buktikan bahawa:

$$(i) \mu = D$$

$$(ii) \tilde{s} = D K_s / \mu_{max} - D$$

$$(iii) \tilde{x} = Y(S_r - \tilde{s})$$

Tentukan nilai \tilde{s} dan \tilde{x} bagi suatu pengkulturan selanjar yang dijalankan pada $D = 0.55$, $S_r = 0.64$ g/L, dengan $Y = 0.49$. Nilai μ_{max} adalah 0.98 jam⁻¹ dan $K_s = 0.00765$. Apakah perbezaan antara kadar pengeluaran biojisim, R bagi pengkulturan yang dijalankan pada D 0.55 dan 0.75.

(12 markah)

(c) Jelaskan masalah-masalah yang dihadapi dalam operasi pengkulturan selanjar.


(4 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pekali pemindahan oksigen, K_La dan perkaitannya dengan Hukum Henry? Bagaimanakah nilai K_La ditentukan dalam suatu sistem pengkulturan selanjar?

(10 markah)

- (b) Perubahan kepekatan oksigen terlarut, C dalam penentuan nilai K_La bagi suatu sistem pengkulturan sekelompok ditunjukkan di dalam Rajah 1. Berdasarkan rajah tersebut anggarkan nilai K_La bagi sistem ini.

(10 markah)



5. (a) Peningkatan skala boleh dijalankan berdasarkan konsep fisikal dan konsep biologi. Apakah perbezaan di antara kedua-dua konsep ini?

(5 markah)

- (b) Suatu proses peningkatan skala dijalankan seperti berikut:

Nisbah garis pusat pengaduk, $D_2/D_1 = 7.0$
Nisbah isipadu, $V_2/V_1 = 20$

Dengan menetapkan kuasa per unit isipadu, $P/V = 1.0$, tentukan nilai-nilai P , n , F , F/V , v dan N_{Re} . Dengan menetapkan kadar kuasa pengaduk per unit isipadu, $F/V = 1.0$, tentukan pula nilai P , P/V , n , F , v dan N_{Re} . Seterusnya, dengan menetapkan halaju hujung impeller, $v = 1.0$, tentukan nilai P , P/V , n , F , F/V dan N_{Re} . Bentangkan keputusan yang diperolehi dalam satu jadual. Nyatakan semua singkatan yang digunakan.

(12 markah)

- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan penurunan skala dan bagaimanakah ianya dilakukan?

(3 markah)

6. (a) Jelaskan reka bentuk bioreaktor-bioreaktor berikut dan nyatakan kepentingan reka bentuk tersebut.

- (i) Bioreaktor membran.
- (ii) Bioreaktor dasar padatan
- (iii) Bioreaktor romboid.
- (iv) Bioreaktor tubular .
- (v) Bioreaktor tapis-pengaduk .

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah perkara-perkara berikut dapat mempengaruhi prestasi sesebuah bioreaktor ?

- (i) Kesan aliran tidak unggul.
- (ii) Kestabilan bioreaktor.
- (iii) Penjanaan semula aktiviti biopemangkin.
- (iv) Masalah lelasan, pemampatan dan fenomena *fouling*.

(10 markah)